

IMPAK KEPEKAKAN TERHADAP PERKEMBANGAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN: IMPLIKASI KEPADA KEPERLUAN SISTEM SOKONGAN

ARDZULYNA BINTI ANAL

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KHAS

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

Kajian ini dijalankan untuk meninjau impak kepekakan terhadap perkembangan murid bermasalah pendengaran serta meninjau aspek-aspek yang menjadi keperluan dalam sistem sokongan dalam kalangan murid ini. Selain itu, bentuk-bentuk bantuan dan sokongan yang diperoleh oleh murid-murid ini turut dibincangkan. Data kajian dikumpulkan melalui temu bual mendalam. Kaedah temu bual mendalam telah dijalankan ke atas enam orang peserta kajian yang terdiri daripada ibu bapa, dua orang guru bermasalah pendengaran dan dua orang audiologis yang terlibat dalam bidang bermasalah pendengaran berdasarkan kesanggupan mereka untuk ditemu bual dalam berkongsi pengalaman dan maklumat. Hasil temu bual telah dibuat transkrip secara verbatim. Kesimpulan dibuat berdasarkan analisis tema. Dapatkan kajian menunjukkan keperluan seperti sokongan pendidikan, sumber maklumat, sumber kewangan, serta akses kepada khidmat sokongan adalah menjadi keperluan terpenting dalam kalangan murid bermasalah pendengaran. Kajian juga telah mengenal pasti kepekakan telah memberi impak kepada perkembangan murid-murid bermasalah pendengaran daripada aspek bahasa, komunikasi dan interaksi, tingkah laku serta pencapaian akademik mereka. Hasil kajian terpenting menunjukkan ibu bapa perlu mempunyai sikap yang proaktif dalam mencari sumber bantuan dan sokongan untuk anak mereka agar dapat menghasilkan anak yang maju dalam pencapaian akademik mahupun perkembangan yang lain. Hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada ibu bapa, guru dan audiologis melalui kajian ini memberi implikasi kepada keperluan sistem sokongan dalam kalangan murid-murid bermasalah pendengaran daripada aspek ekuiti dalam pendidikan, akses kepada khidmat sokongan, rangkaian kolaborasi antara badan kerajaan dengan badan-badan bukan kerajaan serta agensi lain dan sokongan ibu bapa dan masyarakat.

IMPACT OF DEAFNESS TO THE DEVELOPMENT OF STUDENTS WITH HEARING IMPAIRMENT: IMPLICATION TO THE NEED OF SUPPORT SYSTEM

ABSTRACT

This study was conducted to identify the impact of deafness to the development of hearing impaired students and to identify aspects that involved in the need of support system among hearing impaired students. In addition, the forms of assistance and support systems obtained by these students were also discussed. Data was collected through in-depth interviews. The interview were conducted on six participants of the study comprising of parents, two special education teachers and two audiologist in the field of hearing problems based on their willingness to share experiences and information. Results from the interviews were made as verbatim transcript. The findings indicate the needs such as support in education, information resources, financial resources and access to support services are the most important needs among hearing impaired students. The study also has identified that, the deafness has given an impact on the development of hearing impaired students in terms of language, communication and interaction, behavior and academic performance. The most important finding of this study showed the parents should have a proactive attitude in finding a source of assistance and support for their children in order to produce a child who achieve good development in academic achievement as well as other developments. The findings obtained from parents, teachers and audiologists through this study give an implications to the needs of support system of the students with hearing problems in terms of equity in education, access to support services, collaboration among government with non-government services and support from parents and the community.



Halaman

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.9 Definisi Operasional	12
1.9.1 Impak	12
1.9.2 Kepekakan	12
1.9.3 Perkembangan	13
1.9.4 Murid-murid Bermasalah Pendengaran	13
1.9.5 Implikasi	14
1.9.6 Sistem Sokongan	14

1.10 Rumusan	15
---------------------	----

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
2.2 Murid Berkeperluan Khas	16
2.2.1 Klasifikasi Murid Berkeperluan Khas	17

2.3	Definisi Masalah Pendengaran	18		
	 05-4506832	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
2.3.1	Etiologi Masalah Pendengaran	19		
2.3.2	Ciri-ciri Murid Bermasalah Pendengaran	19		
2.4	Impak Kepekakan ke atas Murid Bermasalah Pendengaran Bermasalah Pendengaran Dan Keluarga	20		
2.5	Cabarani Ibu bapa yang Mempunyai Anak Bermasalah Pendengaran	22		
2.6	Kepentingan Penglibatan Ibu bapa dalam Pendidikan Murid Bermasalah Pendengaran dan Model berkaitan Penglibatan Ibu bapa	27		
2.7	Bentuk-bentuk Sokongan dan Bantuan Terhadap Murid Bermasalah Pendengaran dan Keluarga	29		
2.8	Kepentingan Perkhidmatan sokongan dalam Pendidikan Khas	31		
2.9	Kepentingan Peranan Kementerian Kesihatan	33		
2.10	Kepentingan Peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	35		
2.11	Peranan Peranan Persatuan Orang Pekak Malaysia	36		
2.12	Perkaitan Kajian dengan Teori Ekologi Bronfenbrenner	37		
	 05-4506832	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
2.13	Model Sistem Keluarga	40		
2.14	Rumusan	42		
BAB II	METODOLOGI KAJIAN			
3.1	Pengenalan	43		
3.2	Reka Bentuk Kajian	43		
3.3	Lokasi Kajian	44		
3.4	Populasi dan Peserta Kajian	45		
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	46		
3.6	Instrumen Kajian	48		
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data	49		
3.7.1	Kajian Rintis	50		
3.7.2	Pengesahan Pakar Terhadap Protokol Temu Bual	50		
3.7.3	Data Pemerhatian	51		
3.7.4	Pengesahan Peserta Kajian terhadap Data Temu bual	51		
3.7.5	Pengesahan Pakar Terhadap Tema	52		
3.8	Prosedur Penganalisisan Data	52		
	 05-4506832	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
3.9	Prosedur Pemerolehan Data	53		

 05-4506832	Rumusan  pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	53
BAB IV DAPATAN KAJIAN					
4.1	Pengenalan				55
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian.				55
4.3	Dapatan Kajian				65
	4.3.1 Persoalan Kajian Pertama:				65
	4.3.2 Persoalan Kajian Kedua				71
	4.3.3 Persoalan Kajian Ketiga				79
	4.3.4 Rumusan Keseluruhan Soalan Kajian				93
4.4	Rumusan				98
BAB V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN					
5.1	Pengenalan				99
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian				99
	5.2.1 Persepsi ibu bapa, guru dan audiologis terhadap Impak daripada kepekakan Murid Bermasalah Pendengaran	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	100
	5.2.2 Bentuk-bentuk bantuan dan sokongan yang dapat diakses oleh murid bermasalah pendengaran				103
	5.2.4 Aspek-aspek yang menjadi keperluan sistem sokongan dalam kalangan murid bermasalah pendengaran				106
5.3	Implikasi Dapatan Kajian				109
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan				114
5.6	Rumusan				115
RUJUKAN					
LAMPIRAN					
A (I)	Protokol Temu bual Ibu Bapa				123
A (II)	Protokol Temu bual Guru				125
A (III)	Protokol Temu bual Pakar (Audiologis)				126
 05-4506832	Contoh Surat Kebenaran Temu Bual Peserta Kajian	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	127
C	Surat Pengesahan Temu Bual				128

D	Protokol sl Pengesahan Pakar  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	130
E	Catatan Hasil Pemerhatian	135
F	Pengesahan Pakar Terhadap Tema	137
G	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	138



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



SENARAI JADUAL
Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

No. Jadual**Halaman**

1.1	Statistik pelajar berkeperluan khas bagi tahun 2005 hingga tahun 2009	3
2.1	Tahap Pendengaran Murid Bermasalah Penglihatan	18
2.2	Empat Kitaran Hidup dan isu-isu utama yang di hadapi oleh ibu bapa dan adik-beradik kepada seseorang anak kurang upaya	23



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

No. Rajah**Halaman**

1.1	Kerangka konseptual kajian	12
2.1	Model tahap tindak balas ibu bapa terhadap ketidakupayaan anak	26
2.2	Model penglibatan ibu bapa Hornby (1990)	29
2.3	Sistem ekologi manusia Bronfenbrenner (2005)	39
2.4	Kerangka kerja satu sistem keluarga	42
4.1	Rajah pokok rumusan daripada impak kepekakan terhadap perkembangan murid Bermasalah Pendengaran	71
4.2	Rajah pokok rumusan daripada bentuk-bentuk bantuan dan sokongan yang dapat diakses oleh murid bermasalah pendengaran	78
4.3	Rajah pokok rumusan daripada aspek-aspek yang menjadi keperluan terhadap sistem sokongan dalam kalangan murid bermasalah pendengaran	92

SENARAI SINGKATAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

&

dan

/

atau

3PK

Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas

Bil

Bilangan

BPK

Bahagian Pendidikan Khas

BSN

Bank Simpanan Nasional

BTE

Behind the Ear Hearing Aids

dB

desibel

Dr.

Doktor

Dsb.

Dan sebagainya

Et al.

(et alia): and others



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

G1

Guru 1

G1

Guru 2

HUKM

Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

HUSM

Hospital Universiti Sains Malaysia

IDEA

Individuals with Disabilities Education Act

JKM

Jabatan Kebajikan Masyarakat

KKM

Kementerian Kesihatan Malaysia

KLSD

Kuala Lumpur Society of the Deaf (Malaysia)

KPM

Kementerian Pelajaran Malaysia

NCLB

No Child Left Behind Act of 2001

NGO

Non Government Organization

OKU

05-4506832



Orang Kurang Upaya

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PK1

Peserta kajian 1

PK2	Peserta kajian 2	 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupsi
PK3	Peserta kajian 3								
PK4	Peserta kajian 4								
PK5	Peserta kajian 5								
PK6	Peserta kajian 6								
PESIBA	Persatuan Ibu Bapa dan Penjaga Anak Pekak Kuala Lumpur								
S1	Sekolah 1								
S2	Sekolah 2								
Sdn Bhd	Sendirian Berhad								
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas								
SPK	Sekolah Pendidikan Khas								



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian ini yang mengandungi permasalahan utama kajian. Bab ini turut menerangkan tujuan dan kepentingan kajian serta definisi operasional kajian. Bab ini juga menerangkan tentang kajian yang akan dilakukan untuk memenuhi kehendak kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam dunia globalisasi pada abad ke 21, keperluan untuk melahirkan modal insan berkualiti tinggi menjadi semakin penting. Sistem pendidikan yang terbaik adalah sistem yang dapat menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira etnik, tempat, atau latar belakang sosioekonomi. Sistem pendidikan yang direncanakan bagi Malaysia ialah semua kanak-kanak, tanpa mengira siapa ibu bapa mereka, atau tempat mereka belajar, akan dilengkapi dengan keperluan untuk membuka segala peluang masa depan mereka.

Sistem pendidikan Malaysia berhasrat merapatkan separuh jurang sosioekonomi, antara bandar dengan luar bandar, antara murid dengan keperluan khas dengan murid tipikal dalam pencapaian murid menjelang 2020. Kejayaan merapatkan jurang ini akan memberikan Malaysia antara negara yang mempunyai sistem pendidikan yang lebih saksama di dunia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Sistem pendidikan perlu giat menyokong mobiliti sosial dengan menyediakan sokongan tambahan kepada mereka yang kurang bernasib baik, dan dengan itu menyediakan akses kepada laluan alternatif yang menarik, seperti pendidikan vokasional untuk menyediakan peluang kepada murid yang mempunyai pelbagai minat dan kebolehan bagi mengembangkan bakat mereka. Usaha ke arah pilihan yang lebih luas dan keluwesan dalam sistem pendidikan ini adalah sejajar dengan maklum balas daripada Dialog Nasional.

Selaras dengan dasar sedia ada di Malaysia, murid berkeperluan khas pada masa ini mempunyai akses kepada pendidikan dan boleh memilih satu daripada tiga opsyen persekolahan sama ada sekolah pendidikan khas, program Integrasi Pendidikan Khas dan program pendidikan inklusif iaitu sekolah arus perdana yang mengintegrasikan satu hingga lima murid berkeperluan khas dalam kelas arus perdana. Berdasarkan data daripada Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (2009) terdapat lebih kurang 3,313 daripada orang murid berkeperluan khas adalah daripada kategori murid bermasalah pendengaran. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,098 orang murid bermasalah pendengaran mendapat pendidikan dalam Program Pendidikan Khas Integrasi manakala sejumlah 1,215 orang adalah murid yang mendapat pendidikan di Sekolah Pendidikan Khas (SPK).

Statistik jadual 1.1 menunjukkan bilangan murid berkeperluan khas di sekolah kerajaan Malaysia meningkat secara berterusan dalam tempoh lima tahun (2005-2009). Berdasarkan Akta 550 Akta Pendidikan 1996 menyatakan bahawa program pendidikan kebangsaan hanya menerima murid berkeperluan khas yang boleh dididik di mana mereka boleh mengurus diri sendiri tanpa bantuan dan berkebolehan untuk mengikuti pembelajaran sebagaimana telah disahkan oleh pegawai perubatan (Bahagian Pendidikan Khas 2006; Kementerian Pelajaran Malaysia)



Jadual 1.1 Statistik murid berkeperluan khas bagi tahun 2005 hingga tahun 2009

Kategori murid berkeperluan khas	2005	2006	2007	2008	2009
Murid bermasalah penglihatan	810	699	782	744	813
Murid bermasalah pendengaran	3,821	3,478	3,775	3,495	3,313
Murid bermasalah pembelajaran	16,511	21,205	24,340	25,968	34,782
Jumlah	21,142	25,382	28,897	30,207	38,908

Sumber: Data Pendidikan Khas Bahagian Pendidikan Khas, KPM 2010


Di Malaysia, kita memerlukan satu sistem sokongan yang efektif yang dapat menyokong kecemerlangan sistem pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak tanpa mengira etnik, tempat, atau latar belakang sosioekonomi agar semua kanak-kanak dapat dilengkapi dengan keperluan untuk membuka segala peluang masa depan mereka. Artikel 28 dalam Akta Orang Kurang Upaya Malaysia 2008 ada menegaskan bahawa murid berkeperluan khas perlu diberikan sokongan bagi membantu mereka mencapai kesamarataan dalam pendidikan. Diakui bahawa wujud segmen murid yang mempunyai keperluan khusus yang memerlukan lebih sokongan. Bagi mencapai matlamat ini, kementerian perlu menyediakan sokongan dan program yang lebih untuk murid berkeperluan khas.



1.3 PENYATAAN MASALAH

Di Malaysia, kategori murid yang berkeperluan khas merangkumi murid yang mempunyai masalah penglihatan, masalah pendengaran, kesukaran bertutur, kurang upaya fizikal, kurang upaya pelbagai, dan masalah pembelajaran seperti autism, Sindrom Down, ADHD (Attention Deficit Hyperactivity Disorder), dan disleksia. Di Malaysia, hanya 1% populasi di negara ini telah dikenal pasti sebagai individu berkeperluan khas dan berdaftar dengan program pendidikan khas (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Kadar ini adalah di bawah anggaran jumlah murid dalam negara yang sepatutnya berkeperluan khas, kerana mereka yang kurang upaya jarang-jarang mendaftarkan diri di mana-mana agensi.

Terdapat beberapa kumpulan murid-murid yang keadaan dan keperluan mereka berbeza dengan murid-murid arus perdana. Jika dilihat daripada ciri-ciri fizikal dalam kalangan murid berkeperluan khas, murid bermasalah pendengaran adalah berbeza daripada segi keupayaan sensori dengar dan kemahiran berkomunikasi.



Keadaan ini menyebabkan murid-murid bermasalah pendengaran menunjukkan pencapaian akademik yang lemah dalam akademik sekiranya dibandingkan dengan murid-murid bermasalah penglihatan.

Proses pengajaran dan pembelajaran pada hakikatnya melibatkan komunikasi antara guru dengan murid, murid dengan murid bagi mencapai tujuan pembelajaran yang efektif. Apabila seseorang murid tidak memiliki bahasa, maka komunikasi tidak akan berlaku dan akhirnya menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu dan objektif pembelajaran tidak tercapai. Ketidakupayaan mendengar dalam kalangan murid bermasalah pendengaran akan memberi impak kepada kelewatan dalam pemerolehan bahasa pertuturan, kemahiran literasi dan perkembangan sosial (Pierangelo dan Giuliani 2007).

Dalam isu ini, sekiranya pendidikan dan keperluan murid-murid bermasalah pendengaran tidak diuruskan dengan betul dan tidak dipenuhi secara spesifik, kemungkinan lebih ramai-murid bermasalah pendengaran ini tercicir daripada sistem pendidikan negara dan mereka juga tidak dapat mengembangkan potensi diri sepenuhnya. Bagi mencapai matlamat ini, kementerian perlu menyediakan sokongan dan bantuan yang lebih untuk murid-murid ini bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing.

Di Malaysia, walaupun murid-murid bermasalah pendengaran ini mendapat akses kepada pelbagai opsyen persekolahan namun kualiti pendidikan yang diberikan mempunyai beberapa kelemahan. Pertama, kekurangan guru yang berkelayakan dan sokongan profesional seperti pakar pendengaran dan ahli terapi. Kedua, walaupun kurikulum khusus untuk kumpulan berkeperluan khas telah dibentuk misalnya Bahasa Isyarat Komunikasi untuk murid masalah pendengaran tetapi masih terdapat kelemahan daripada segi pelaksanaannya kerana kurang sokongan dan bantuan untuk murid-murid bermasalah pendengaran yang memberi penekanan kepada kurikulum yang lebih sesuai dan pentaksiran yang perlu digubal sesuai dengan keperluan mereka misalnya kurikulum vokasional bagi menyediakan mereka dengan kemahiran hidup berbanding kurikulum akademik arus perdana. Selain itu, kemudahan prasarana yang

terdapat di sekolah arus perdana seperti kemudahan mesra orang kurang upaya dan alat bantuan teknologi seperti alat pendengaran masih lagi tidak mencukupi.

Terdapat kajian dalam negara telah dijalankan untuk meninjau sistem sokongan dalam bidang pendidikan khas namun kebanyakan kajian yang dijalankan tidak memfokuskan kepada salah satu kategori kecacatan dan peringkat persekolahan. Melalui kajian yang dijalankan dalam negara, masih terdapat halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya mendapatkan sokongan (Hasnah Toran et. al 2009). Walaupun banyak kajian telah dijalankan dalam bidang bermasalah pendengaran namun masih ada kekurangan kerana kebanyakan kajian yang ada dalam bidang bermasalah pendengaran lebih banyak memfokuskan kepada pencapaian akademik murid-murid bermasalah pendengaran.

Di luar negara, kajian oleh Fitzpatrick (2007) dan rakan-rakan mendapati murid bermasalah pendengaran sebenarnya amat memerlukan satu sistem dengan kemudahan akses kepada sokongan lain. Kajian lepas mendapati bahawa sistem sokongan yang memenuhi keperluan individu secara holistik lebih efektif dalam meningkatkan pendidikan murid-murid bermasalah pendengaran (Young & Tattersall 2005, 2007). Kargin (2004) mendapati kebanyakan kajian yang ada lebih menumpukan kepada populasi yang tinggal di lokasi dan latar belakang sosioekonomi tertentu. Malah kajian luar negara lebih banyak menekankan kepada program sokongan yang berorientasikan keluarga kerana berpendapat program sokongan yang berorientasikan keluarga yang mempunyai anak bermasalah pendengaran itu lebih penting (Hintermair 2006; Most dan Zait 2005).

kanak-kanak berkeperluan khas perlu diberi peluang yang sama untuk hidup dalam persekitaran yang kondusif serta menikmati sistem pendidikan sama seperti yang diperoleh oleh pelajar-pelajar tipikal perlu diberikan penekanan ia juga tidak boleh dianggap sebagai isu yang berasingan dan perlu dijadikan sebagai sebahagian daripada perancangan pendidikan yang holistik. Pendidikan dirangka untuk meningkatkan ekuiti dan kualiti dalam pendidikan serta tahap kompetensi dan kecekapan pengurusan pendidikan.

Maka sistem sokongan menjadi tanggungjawab dalam pelaksanaan kurikulum dan pentaksiran baharu, memperkuuhkan latihan guru dalam kemahiran pedagogi dan memantau keberkesanan pelaksanaan program pendidikan khas sedia agar tiada lagi murid-murid yang tercicir daripada mendapat peluang pendidikan. Justeru itu, kajian untuk mengenal pasti sistem sokongan yang diperlukan oleh murid-murid bermasalah pendengaran perlu dilaksanakan agar jurang yang ada dapat dikenal pasti sebagai penambahbaikan pembangunan pendidikan murid-murid berkeperluan khas ini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Meninjau persepsi ibu bapa, guru dan audiologis berkaitan impak kepekakan terhadap perkembangan murid bermasalah pendengaran.
2. Meninjau dan mengenal pasti bentuk-bentuk bantuan dan sokongan yang dapat diakses oleh murid bermasalah pendengaran
3. Meninjau aspek-aspek yang menjadi keperluan dalam sistem sokongan murid-murid bermasalah pendengaran.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimakah persepsi ibu bapa, guru dan audiologis berkaitan impak kepekakan terhadap murid bermasalah pendengaran?
2. Bagaimakah bentuk bantuan dan sokongan yang dapat diakses oleh murid-murid bermasalah pendengaran?
3. Bagaimakah aspek-aspek yang menjadi keperluan sistem sokongan murid-murid bermasalah pendengaran.?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini dijalankan bertitik tolak daripada tinjauan beberapa persoalan kajian melalui tinjauan berkaitan impak kepekakan terhadap perkembangan murid bermasalah pendengaran dan implikasinya terhadap keperluan sistem sokongan. Matlamat daripada persoalan kajian ini membolehkan pengkaji meneroka daripada pelbagai sudut pandangan daripada individu yang berperanan secara langsung dengan murid bermasalah pendengaran seperti ibu bapa, guru bermasalah pendengaran dan audiologis.

Kajian ini menggambarkan betapa pentingnya peranan program intervensi awal kepada perkembangan murid-murid bermasalah pendengaran sejak peringkat awal lagi. Keperluan terhadap khidmat sokongan mula mendapat perhatian dan permintaan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa dan penjaga kanak-kanak berkeperluan khas dalam usaha mendapatkan program intervensi dan rehabilitasi yang berterusan. Dengan adanya kajian sedemikian, cadangan agar perkhidmatan sokongan diperluaskan di seluruh lokasi perlulah disegegerakan di seluruh lokasi bagi membolehkan orang kurang upaya dan murid berkeperluan khas mendapat perkhidmatan daripada kumpulan multidisiplin seperti audiologis, ahli psikologi, pakar pertuturan, pakar cara kerja terus tanpa perlu melalui banyak prosedur.

Kecacatan yang dapat dikesan seawal mungkin dapat membantu kanak-kanak yang berisiko dan mengalami kecacatan pendengaran mendapatkan program intervensi awal. Kesedaran terhadap keperluan program pengesanan yang dilaksanakan oleh semua hospital dan pusat kesihatan setempat agar pengesanan awal terhadap ketidakupayaan mendengar dapat dikesan lebih awal misalnya melaksanakan program ini di pusat kesihatan setempat di lokasi pedalaman. Secara tidak langsung, ibu bapa yang baru mendapat tahu bahawa anak mereka mengalami kecacatan boleh mendapatkan maklumat dan bantuan daripada pihak berkenaan.

Kajian ini dapat menjelaskan akan kepentingan mewujudkan rangkaian kolaborasi antara agensi kerajaan dengan badan-badan bukan kerajaan dalam usaha memberi sokongan dan bantuan kepada murid-murid bermasalah pendengaran di

Malaysia. Misalnya mewujudkan rangkaian kolaborasi antara agensi seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya daripada aspek pendidikan, khidmat sokongan, pembangunan infrastruktur dan bantuan kewangan untuk mendapatkan alat teknologi pendengaran yang terkini yang boleh menampung keperluan murid-murid bermasalah pendengaran di negara ini.

Melalui sistem sokongan yang wujud secara kolaborasi antara agensi kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia membantu memudahkan kolaborasi antara kumpulan pelbagai disiplin dengan pihak sekolah. Guru-guru pendidikan khas khususnya guru bermasalah pendengaran berpeluang untuk meningkatkan profesi dan kepakaran mereka dengan mengikuti kursus-kursus berkaitan kepakaran dalam bidang bermasalah pendengaran bagi membolehkan semua guru pendidikan khas menjalankan intervensi awal terus kepada murid-murid di sekolah. Cadangan ini dapat membantu mengatasi masalah kekurangan pakar audiolis yang dapat berkhidmat di sekolah-sekolah.



Diharapkan kajian ini boleh dijadikan landasan kepada penambahbaikan sistem sokongan kepada murid berkeperluan khas di Malaysia agar lebih banyak perspektif, teori-teori dan model dihasilkan dalam bidang bermasalah pendengaran serta dapat menyumbangkan hasil kepada badan-badan berkaitan dan menjadi rujukan kepada semua pihak yang terlibat termasuklah ibu bapa, guru, pihak sekolah, pakar multidisiplin dan lain-lain lagi.

1.7 BATASAN KAJIAN

Batasan kajian membolehkan pengkaji memberi fokus terhadap skop perbincangan kajian dan menghadkan perluasan kajian. Pendekatan kajian adalah berdasarkan batasan dalam kajian ini. Pemilihan ibu bapa sebagai peserta kajian melalui beberapa peringkat penapisan supaya kajian ini benar-benar mencapai objektifnya. Seramai enam orang ibu bapa, dua orang guru dan dua orang audiolis dipilih untuk menjadi peserta kajian berdasarkan persetujuan mereka untuk terlibat dalam kajian ini.



Pemilihan peserta kajian dalam kalangan ibu bapa hanya terhad kepada mereka yang mempunyai anak bermasalah pendengaran. Pemilihan guru dan audiologis pula adalah mereka yang pernah berkhidmat dengan murid bermasalah pendengaran dengan pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun ke atas. Dalam kajian ini, walau pun maklumat seperti umur, lokasi, pekerjaan, umur anak, tahap pendengaran anak diperoleh pengkaji namun maklumat ini tidak diberikan tumpuan sebagai satu pemboleh ubah untuk dikaji.

Tumpuan dalam kajian hanya kepada meninjau impak kepekakan terhadap perkembangan murid bermasalah pendengaran daripada maklumat pihak yang sememangnya terlibat secara langsung dengan murid-murid ini seperti ibu bapa, guru dan audiologis. Hasil pandangan daripada peserta kajian yang sememangnya kita maklum terlibat dengan murid-murid bermasalah pendengaran membolehkan kita mendapatkan variasi pandangan dan pengalaman serta pengetahuan yang lebih mendalam mengenai murid bermasalah pendengaran.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Secara umumnya kerangka kajian dibina berdasarkan konsep, teori dan kajian literatur yang dirujuk. Kerangka konseptual kajian dalam rajah 1.1 di berikut dibina bagi tujuan menginterpretasikan dapatan kajian ini. Kerangka yang dibina dalam kajian cuba menggambarkan implikasi terhadap keperluan sistem sokongan impak daripada kepekakan yang dialami oleh murid-murid bermasalah pendengaran.

Setiap kanak-kanak yang dilahirkan dengan kebolehan serta keinginan semula jadi untuk belajar komunikasi. Kebolehan dalam komunikasi bergantung pada kanak-kanak disebabkan beberapa faktor. Keterbatasan dalam penguasaan bahasa menyebabkan kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran ini tidak dapat mengenal bunyi-bunyi bahasa atau nama suatu benda, kegiatan, peristiwa dan perasaan serta sulit memahami aturan atau sistem bahasa dan yang digunakan oleh persekitarannya. Oleh itu, berbagai-bagai impak yang ada akan menimbulkan cabaran kepada perkembangan murid bermasalah pendengaran dan setiap impak itu saling

mempengaruhi antara satu perkembangan dengan perkembangan daripada aspek yang lain.

Ketidakupayaan dalam mendengar dalam kalangan murid-murid yang berisiko banyak mengalami kelewatan termasuklah pemerolehan bahasa pertuturan, kemahiran literasi dan perkembangan sosial. Kebanyakan pertuturan bagi murid bermasalah pendengaran yang kehilangan pendengaran selalunya sangat teruk dalam ritma, frasa dan ton suara. Oleh demikian, matlamat utama dalam pendidikan murid-murid bermasalah pendengaran adalah usaha memajukan kemahiran bahasa mereka selagi mana boleh. Kemajuan dalam bidang bahasa boleh membuatkan murid-murid ini hidup dengan lebih baik daripada aspek keupayaan intelek, memahami lebih banyak pembelajaran dan maju dalam perkembangan sosial.


Membantu murid-murid bermasalah pendengaran menggunakan pertuturan yang mudah difahami merupakan satu proses yang bukan mudah. Mereka memerlukan program intervensi awal seawal mungkin serta sokongan daripada penglibatan ibu bapa. Ketidakupayaan untuk mendengar sejak awal usia bukan sahaja mewujudkan masalah utama dalam perkembangan kemahiran bertutur malah boleh memberi kesan kepada perkembangan kognitif yang akhirnya menjelaskan pencapaian akademik mereka di sekolah.

Walaupun diketahui bahawa seseorang murid bermasalah pendengaran mengalami kesukaran dalam penguasaan bahasa dan masalah komunikasi namun setiap daripada mereka mempunyai ciri-ciri dan keperluan yang berbeza antara satu sama lain bergantung kepada tahap pendengaran, jenis kecacatan pendengaran yang dialami serta sokongan dan bantuan yang diperoleh melalui sokongan keluarga, sokongan dalam pendidikan dan sokongan daripada badan-badan tertentu. Perbezaan ciri-ciri dan keperluan yang berbeza inilah boleh mempengaruhi potensi seseorang murid bermasalah pendengaran baik daripada segi perkembangannya maupun pencapaian dalam akademik.

Berdasarkan sistem ekologi Bronfenbrenner, kehadiran seseorang anak yang mempunyai kecacatan boleh mengubah sistem sosial yang berlaku dalam

kehidupannya. Perubahan yang berlaku bukan sahaja memberi kesan kepada anak tersebut tetapi mempengaruhi sistem dalam keluarga dan persekitaran seperti komuniti yang berkaitan dengan mereka. Murid-murid bermasalah pendengaran bukan sahaja memerlukan bantuan dan sokongan daripada ahli dalam keluarga sendiri malah mereka memerlukan sokongan daripada individu di sekeliling melalui perhubungan dan interaksi dengan jiran, sekolah, komuniti setempat dan individu yang memberi perkhidmatan secara langsung seperti pegawai perubatan dan pakar terapi profesional.

Hasil daripada persepsi ibu bapa, guru dan audiologis berkaitan impak kepekakan terhadap perkembangan murid bermasalah pendengaran memberi implikasi kepada pembangunan sistem sokongan yang memenuhi keperluan murid bermasalah pendengaran yang dibangunkan secara kolaboratif antara pelbagai pihak termasuklah ibu bapa, pihak sekolah, pegawai perubatan dan pakar multidisiplin yang terlibat, masyarakat sekeliling, badan-badan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Ini adalah kerana dalam terminologi “support” (sokongan) sendiri digunakan untuk menjelaskan tentang wujudnya pelbagai kumpulan manusia yang bersedia memberi bantuan dan sokongan. Maka kolaborasi pelbagai pihak dalam sistem ekologi yang berlaku dalam perhubungan manusia dapat membentuk sistem sokongan yang efektif mengikut keperluan murid-murid bermasalah pendengaran impak daripada kepekakan yang dialami.



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian

1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam kajian ini terdapat konsep khusus mengikut konteks kajian ini yang digunakan bagi memudahkan perbincangan seterusnya meningkatkan kefahaman pembaca.

1.9.1 Impak

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2005) istilah impak bermaksud kesan yang ketara sama ada positif atau negatif. Dalam kajian ini istilah impak merujuk kepada kesan daripada kepekakan yang dialami oleh seseorang murid bermasalah pendengaran.

1.9.2 Kepekakan

Masalah pendengaran adalah satu terma umum yang digunakan untuk menggambarkan semua tahap dan jenis kehilangan pendengaran serta kepekakan. Istilah kepekakan berasal daripada kata dasar ‘pekkak’ Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2005) istilah pekkak bermaksud orang yang tidak dapat mendengar kerana

rosak alat pendengaran atau tidak dapat mendengar dengan sebelah telinga. Peter (2007) menyatakan istilah ‘pekkak’ merujuk kepada individu yang tidak boleh mengesan suara pertuturan dan mempunyai masalah perkembangan bahasa. Turnbull et al. (2010) menggunakan terma pekkak atau kesukaran mendengar bagi menggambarkan masalah pendengaran atau kehilangan pendengaran

1.9.3 Perkembangan

Perkembangan manusia adalah satu proses yang kompleks merangkumi perkembangan biologi, perkembangan kognitif, perkembangan emosi dan sosial. Menurut Berk (2009) perkembangan merupakan satu proses yang kompleks yang merangkumi perubahan secara kuantitatif dan kualitatif dari segi fizikal, persepsi, intelektual, bahasa, emosi, sosial dan moral seseorang individu.

Setiap kanak-kanak ada kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Tahap perkembangan juga adalah berbeza antara individu dengan individu yang lain bergantung kepada faktor biologikal dan persekitaran. Walaupun kadang-kala kita seolah-olah melalui pengalaman yang sama dengan orang lain kerana proses pengulangan dalam perkembangan tetapi ini juga bergantung kepada perbezaan individu.

1.9.4 Murid-murid Bermasalah Pendengaran

Murid-murid bermasalah pendengaran dalam kajian ini merujuk kepada murid-murid yang mengikuti sesi persekolahan sama ada di Sekolah Rendah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi atau murid yang mengikuti program inklusif di sekolah-sekolah yang diurus tadbir sepenuhnya oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memenuhi keperluan murid berkeperluan khas. Murid-murid bermasalah pendengaran ini akan berada dalam tempoh belajar minimum di sekolah rendah selama enam (6) tahun dan boleh dilanjutkan hingga dua (2) tahun maksimum di mana-mana peringkat iaitu sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah mengikut keperluan murid berkenaan (Pekelingking Ikhtisas Bil.16/2002).